

# CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 25 Tahun 3

Januari 1996

ISSN 0128-8431

## Resolusi Inflasi Sifar

# Komitmen Kerajaan, Pengguna, Media Massa dan Peniaga Menjayakan Inflasi Sifar


Pelancaran Resolusi Inflasi Sifar merupakan langkah kesinambungan dengan kempen Inflasi Sifar yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 2 Jun 1995 dan Kempen Hari Inflasi Sifar yang disempurnakan pelancarannya oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri di Kota Kinabalu pada 1 Julai 1995.

Saya yakin bahawa Kempen Inflasi Sifar yang telah berlangsung dari Jun 1995 telah memperolehi kejayaan. Apa yang saya maksudkan ialah kadar inflasi sebanyak 3.5% yang tercapai setakat ini mencerminkan sedikit sebanyak kejayaan Kempen Inflasi Sifar.

Kajian bebas kempen ini oleh Universiti Kebangsaan Malaysia juga menunjukkan bahawa majoriti responden yang ditemubual memahami pengertian inflasi dan menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan.

Kerajaan memandang serius terhadap kenaikan-kenaikan kos yang memberi kesan kepada harga barangan yang lain. Ini tidak bererti bahawa ada peningkatan kos yang tidak mempunyai asas-asas yang konkrit tetapi Kerajaan memandang berat jika keadaan ini mewujudkan satu suasana di kalangan peniaga untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan mereka tanpa alasan.

Kementerian ingin menggembeng tenaga empat pihak (pengguna, peniaga, media massa dan Kerajaan) supaya bersama-sama menghalang inflasi dari meningkat.



YB. Dato' Hj. Abu Hassan  
Hj. Omar


**Pertama** ialah kumpulan pengguna yang mempunyai kuasa untuk membendung kenaikan harga. Pengguna perlu mengawal nafsu untuk membeli dan menanggukkan pembelian bagi barangan yang tidak perlu. Belilah hanya mengikut keperluan dan tingkatkan amalan menabung.

**Kedua** ialah kumpulan peniaga dan pengusaha. Walaupun kos beberapa input seperti sumber manusia, utiliti, dan sebagainya telah meningkat, kenaikan ini perlu diatasi dengan meningkatkan

produktiviti serta memodenkan proses pengeluaran. Peniaga haruslah mengekalkan harga pada paras yang sederhana atas asas keuntungan yang sederhana; dan harga yang diturunkan semasa Hari Inflasi Sifar tidak sepatutnya dinaikkan selepas itu.

**Ketiga** ialah kumpulan media massa yang berperanan sebagai penyebar maklumat di mana media massa boleh menggunakan semua saluran bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna tentang konsumerisma serta amalan-amalan pengguna yang baik. Media massa boleh berperanan sebagai "mata dan telinga" pengguna yang dapat mendedahkan penyelewengan-penyelewengan dalam pasaran.

**Keempat** ialah pihak Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan memainkan peranannya dalam mengawal harga dengan meneliti semua permintaan kenaikan



# Amanat Menteri Bersama Menuju Perubahan

Saya berharap sempena perhimpunan kita pagi ini yang juga merupakan perhimpunan pertama dalam tempoh rancangan Malaysia ketujuh, ia akan menjadi titik permulaan bagi kita melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan di bawah rancangan tersebut dengan lebih sempurna dan lebih berkesan. Kita perlulah menyediakan perancangan dan program bertindak yang lebih agresif memandangkan pertumbuhan dalam bidang perindustrian, perdagangan, perniagaan saham, telekomunikasi dan sebagainya bergerak begitu pantas.

Perubahan akan menjadi kenyataan sekiranya kita komited. Pepatah Melayu ada menyebut 'hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih'. Oleh itu, saya menyeru kepada semua anggota Kementerian agar dapat membuat perubahan mulai hari ini.

Saya menyedari bahawa sememangnya sukar untuk menangani setiap isu dan perkara yang dibangkitkan tetapi apa yang penting ialah kita boleh menyusun agenda serta program tindakan yang kemas, berkesan dan teratur. Kita seharusnya mengurangkan cara bertindak yang bersifat reaktif dalam menangani sesuatu isu yang sememangnya menjadi teras kepada tanggungjawab dan tugas kita. Saya berharap penubuhan 'Institut Kepenggunaan' yang pada dasarnya dipersetujui oleh Kerajaan akan dapat memberi fokus terhadap isu-isu yang saya sebutkan tadi.

Saya menjangka bahawa desakan, saranan dan maklumbalas, sama ada yang didedahkan melalui media cetak, media elektronik dan yang terkini melalui Internet, akan bertambah di masa-masa hadapan.

Dalam tahun 1995, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian bukan sahaja telah mendapat liputan luas daripada pihak media massa, juga telah menarik perhatian beberapa Kerajaan asing. Ini dapat dibuktikan pada saban hari terdapat berita-berita yang menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian ini di media massa tempatan dan luar negeri. Ini adalah satu petanda yang baik kerana isu-isu yang dibangkitkan oleh media massa akan

memberi faedah dan maklumat kepada pelanggan kita.

Melindungi hak pengguna dan mengawasi urusan perniagaan yang beretika adalah tanggungjawab bersama pihak Kerajaan, persatuan-persatuan pengguna, media massa dan lain-lain kumpulan NGO. Saya berharap kerjasama yang rapat dan sedia terjalin antara kesemua pihak tadi dapat diteruskan dalam tahun 1996 dan tahun-tahun berikutnya.

Tahun ini merupakan tahun yang lebih mencabar kerana tahun ini kita akan merayakan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa hampir serentak, maka beberapa isu sampingan yang ada kaitan dengan perayaan-perayaan tersebut seperti bekalan barangan dan perkhidmatan yang mencukupi dan harga yang berpatutan, perlu diberi perhatian yang lebih. Saya mempunyai keyakinan penuh bahawa peranan dan kebolehan Kementerian menangani masalah-masalah tersebut di masa lalu, dapat dihadapi dengan penuh kegigihan dan konfiden setelah perancangan yang rapi, bersepadu dan beralternatif dibuat beberapa bulan lalu.

Oleh kerana tanggungjawab melindungi kepentingan pengguna tanggungjawab bersama, kita boleh memainkan banyak peranan di antaranya ialah:

- i. Menasihati peniaga-peniaga yang dikenal pasti telah melakukan penyelewengan seperti tidak meletak tanda harga;
- ii. Memberi kesedaran dan maklumat kepada keluarga mengenai isu-isu kepenggunaan. Ini dapat dilaksanakan dengan membawa balik risalah-risalah kepenggunaan yang diterbitkan oleh Kementerian dan menyebarkan isu kandungan yang ada di dalamnya.
- iii. Tidak membeli barangan tiruan yang melanggar hakcipta kerana ia akan memberi galakan kepada peniaga untuk melanggar undang-undang; dan
- iv. Tidak boros, terutamanya baru sahaja mendapat sebulan bonus kerana sifat boros ini akan membantu meningkatkan kadar inflasi.

*Petikan Ucapan YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian pada  
8 Januari 1996.*

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi

Encik Zulkipli Abu Bakar

Penasihat Pengarang

Encik Mohd Hamdan Adnan

Dr. Sothi S. Rachagan

Encik Bisn Singh Bahadur

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee

Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang  
Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 23, Menara Maybank,  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2329955  
Fax: 03-2389558

# Resolusi Inflasi Sifar

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan Kempen Anti-Inflasi 1996: Resolusi Inflasi Sifar pada 16 Januari 1996 di MATIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' S. Subramaniam yang mewakili menterinya YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar.

Majlis tersebut adalah lanjutan dari Kempen Inflasi Sifar yang bertemakan "Inflasi Sifar Sasaran Kita" yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia pada 2 Jun 1995.

Strategi Kempen Inflasi Sifar tahun ini ialah untuk menggembelng tenaga empat pihak dalam menjayakan inflasi sifar, iaitu Kerajaan, Peniaga, Pengguna dan Media Massa. Wakil-wakil setiap pihak tersebut melafazkan ikrar menyokong Kempen Inflasi Sifar. Pengguna diwakili oleh Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Encik Hamdan Hj. Adnan; Peniaga diwakili oleh Encik Ramli Mahmuddin; Media Massa oleh Encik Mohd.



*Dato' S. Subramaniam (tiga dari kanan) di Majlis Perasmian Resolusi Inflasi Sifar*

Raus Borhan; dan Kerajaan diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Encik Ahmad Bakri Shabdin.

Kempen Inflasi Sifar diteruskan tahun ini kerana Kerajaan bimbang tentang peniaga-peniaga yang menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Dengan itu, kempen ini akan menumpukan kepada barang-barang keperluan utama dan Hari Inflasi Sifar pada hari Sabtu pertama setiap bulan akan diteruskan.

## Mengawal Kestabilan Harga Ayam

Tidak lama lagi, kita akan menyambut Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa. Dalam keseronokan kita menyambut perayaan-perayaan tersebut, kita sebagai pengguna yang arif perlu prihatin terhadap langkah-langkah yang diambil untuk melindungi dan membantu kita berbelanja dengan cermat.

Mulai 19 Januari 1996, ayam disenaraikan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Tujuannya ialah

untuk mengawal bekalan ayam daging dan menjamin kestabilan harga ayam menjelang perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa.

Harga ayam akan ditetapkan setiap minggu oleh satu jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Veterinar, Persatuan Menternak, Persatuan Penjual Borong Ayam, dan Persatuan Pengguna. Peniaga-peniaga tidak dibenarkan menjual ayam melebihi harga yang ditetapkan oleh jawatankuasa tersebut.

Peniaga, sama ada pemborong atau peruncit, hanya dibenarkan menjual ayam selepas memperolehi lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Barang-barang lain yang dikawal harga, termasuklah beras, gula, minyak masak, minyak tanah, bahan-bahan petroleum, simen, tepung, keluli dan rumusan bayi.



Setiap kali musim perayaan menjelang, maka ramailah pengguna cenderung berbelanja lebih semata-mata untuk menyambut hari perayaan berkenaan. Tidak lama lagi, perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa akan disambut serentak. Suasana ini tentulah menambah lagi kecenderungan pengguna untuk berbelanja lebih; apatah lagi dengan bayaran pendahuluan pelarasan gaji untuk kakitangan awam turut diterima Februari ini.


Walau apapun, keadaan-keadaan tersebut tidak seharusnya meleakakan pengguna terhadap

# Mengamalkan Belanjawan Bijak

*Apa yang jelas, dalam mengamalkan belanjawan bijak, pengguna harus tahu dan sedar berapa, ke mana, kenapa dan bagaimana wang yang diperolehi dibelanjakan dengan berkesan*

keperluan untuk berbelanja dengan bijak dan munasabah. Berbelanja di musim perayaan memanglah sesuatu yang lazim dilakukan tetapi ia haruslah dilakukan dengan cara yang terancang dan bijaksana agar tidak mendorong kepada perbelanjaan yang berlebihan. Perbelanjaan yang berlebihan hanya akan menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang tidak munasabah. Sekaligus, mendorong kepada peningkatan kadar inflasi negara.

Setiap pengguna bergantung kepada pendapatannya atau pendapatan ibu bapa atau penjaganya untuk menampung sara hidup hariannya. Kebergantungan terhadap pendapatan



*Rancanglah perbelanjaan anda dengan cara yang bijak.*

## Senarai Asas Belanjawan Pengguna

Makanan	Insurans
Perumahan	Pendidikan
Pakaian	Hiburan/Rekreasi
Kenderaan/Pengangkutan	Sumbangan/Derma
Perkakas Rumah	Simpanan
Perubatan	Pelbagai

semakin penting dalam masyarakat berbudaya pengguna yang memerlukan wang untuk mendapatkan hampir segala keperluan.

Untuk memastikan wang pendapatan tersebut mencakupi perbelanjaan dirinya serta semua tanggungannya, pengguna perlu merancang menguruskan pendapatannya dengan sebaik-baiknya. Perancangan menguruskan wang pendapatan dengan baik dan bijak akan menghasilkan belanjawan yang bermanfaat bagi pengguna dalam kegiatan hariannya.

Namun demikian, jumlah wang yang perlu diperuntukkan bagi setiap perkara bergantung kepada pendapatan dan gaya hidup pengguna berkenaan. Oleh itu, adalah penting setiap pengguna mengamalkan belanjawan bijak. Amalan belanjawan yang bijak adalah amalan belanjawan yang terancang serta mengambil kira keperluan dan kemampuan setiap pengguna.

Berikut ialah sebab-sebab pengguna harus merancang belanjawan berdasarkan keperluan dan kemampuan masing-masing:

- Merencana setiap perbelanjaan dari segi jangka pendek dan panjang bagi memastikan pengguna hanya berbelanja ke atas perkara yang perlu dan bermanfaat.
- Perencanaan perbelanjaan yang baik dan berkesan akan menghalang pengguna daripada terjerumus dalam keadaan kehabisan wang atau berhutang.
- Setiap catatan belanjawan yang dibuat akan membantu pengguna sentiasa dalam keadaan terkawal dan terancang.
- Perencanaan belanjawan juga akan membuat pengguna sentiasa menyedari kuasa

beli yang ada padanya dan akibat ketiadaan wang.

- Belanjawan pengguna memberi pendidikan ekonomi yang tidak ternilai kepada setiap ahli keluarga yang terlibat.

- Kaedah pengurusan pendapatan wang bagi diri dan setiap ahli keluarga akan memberi ketenangan jiwa kepada pengguna yang berkenaan serta keupayaan untuk menyimpan bagi kepentingan masa depan

diri dan keluarga.

Hakikatnya, belanjawan pengguna boleh dirancang bagi tempoh yang tertentu. Umpamanya, tempoh seminggu, sebulan, setahun dan seterusnya. Sebagai langkah awal, pengguna boleh menghitung segala pendapatannya (gaji, elaun, bonus, upah dan sebagainya) dalam tempoh belanjawan penggunanya. Kemudian, senaraikan setiap perbelanjaan yang akan dibuat dalam tempoh belanjawan pengguna yang telah ditetapkan dan ini termasuklah wang yang hendak disimpan atau ditabungkan.

Apa yang jelas, dalam mengamalkan belanjawan bijak, pengguna harus tahu dan sedar berapa, ke mana, kenapa dan bagaimana wang yang diperolehi dibelanjakan dengan berkesan.



**Jualan istimewa yang ditawarkan oleh peniaga tidak harus menjadi alasan kepada pengguna untuk berbelanja melebihi keperluan.**

# Tanggungjawab Pengguna

**D**i samping menuntut hak-hak pengguna yang harus dihormati oleh peniaga dan Kerajaan, pergerakan pengguna juga menyenaraikan tanggungjawab pengguna kepada pihak-pihak yang berkenaan. Ini untuk menunjukkan bahawa dalam pada pergerakan pengguna mencari keadilan dan kecekapan daripada peniaga dan Kerajaan, ia turut diseimbangkan dengan usaha mewujudkan pengguna yang lebih bertanggungjawab dan berwibawa. Antara tanggungjawab pengguna yang dimaksudkan adalah seperti berikut:



**Antara tanggungjawab pengguna yang asas ialah memberi maklumat yang jujur dan lengkap.**

**1** Memberi maklumat yang jujur dan lengkap. Misalnya, semasa memohon pinjaman wang daripada bank atau syarikat kewangan, mengisi borang insurans, menjual kereta terpakai dan sebagainya.

**2** Melaporkan sebarang barangan cacat atau berbahaya kepada penjual dan pengeluar serta kepada pergerakan pengguna dan agensi Kerajaan yang berkenaan. Dengan aduan ini diharap pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan sewajarnya seperti memperbaiki barangan tersebut, memberitahu pengguna lain tentang masalah barangan tersebut, memanggil balik barangan tersebut.

**3** Melaporkan sebarang penindasan, penyelewengan dan kecuaiian kepada pergerakan pengguna serta agensi-agensi Kerajaan yang berkuasa. Contoh penyelewengan ialah menyorok barangan keperluan, menaikkan harga barangan keperluan sewenang-wenangnya, menjual barangan yang telah diharamkan Kerajaan dan sebagainya.

**4** Melindungi alam sekitar daripada dicemar atau dimusnahkan. Pengguna harus menunjukkan teladan yang baik dengan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan

kebijakan alam sekitar, membeli keluaran mesra alam, melabur dengan syarikat yang prihatin tentang alam sekitar, melaporkan sebarang kegiatan yang mencemar alam sekitar kepada pihak yang berkuasa dan sebagainya.

**5** Bersikap adil dan bekerjasama dengan semua pihak untuk mewujudkan kesejahteraan pengguna dan negara. Umpamanya, tidak mencuri daripada peniaga

atau tidak menyebarkan khabar angin yang boleh memburukkan imej sesuatu barangan atau syarikat bagi kepentingan sendiri.

Semua tanggungjawab yang diperkatakan

tadi hanyalah beberapa tanggungjawab asas yang perlu dihayati untuk memastikan kepentingan semua pihak terjamin.

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

## Memandu Selamat di Jalan Raya

Kajian menunjukkan kemalangan jalan raya semakin bertambah setiap kali menjelangnya hari-hari perayaan. Mengapakah keadaan seumpama itu berlaku?

Sebenarnya, kemalangan terjadi disebabkan oleh kesilapan dan kecuaiannya pemandu atau beberapa alat kenderaan yang tidak berfungsi dengan baik. Seelok-eloknya, dapatkan khidmat mekanik kereta sebelum anda memulakan sesuatu perjalanan jauh.



**Bersopanlah di jalan raya dan berhati-hati ketika memandu.**

Di samping itu, anda juga perlu berhati-hati di jalan raya. Cuba patuhi garis panduan yang tertera seperti berikut:

- \* Patuhi peraturan jalan raya dengan memberikan perhatian terhadap tanda-tanda keselamatan di papan-papan tanda.

- \* Memandu bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu, berikan perhatian sepenuhnya terhadap jalan raya yang anda lalui itu.

- \* Sesuaikan kelajuan dengan mengikut arahan had laju. Walau bagaimanapun, keadaan kenderaan dan keadaan cuaca juga perlu diambil kira.

- \* Jangan memandu dengan gelojoh atau tergesa-gesa. Bertenanglah semasa memandu.

- \* Apabila rasa mengantuk atau penat, lebih baik anda berhenti dan berehat seketika di tempat yang sesuai dan tidak mengganggu perjalanan kereta lain.

- \* Semasa memandu, pastikan penglihatan anda tidak terganggu. Penglihatan yang jelas akan mengelakkan dari sebarang kemungkinan yang tidak diingini.

- \* Periksa dan pastikan tayar, penggilap cermin, lampu utama, lampu isyarat dan hon dapat berfungsi dengan baik.

- \* Periksa dan pastikan minyak brek dan brek berada dalam keadaan baik, air radiator

dan alat-alat lain boleh digunakan dengan sempurna.

- \* Pastikan juga anda telah merancang sesuatu perjalanan terlebih dahulu. Periksa sama ada lesen memandu, cukai jalan, dan insurans masih boleh digunakan.

- \* Sediakan peralatan gantian kenderaan yang cukup dan baik (boleh digunakan) untuk menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan seperti tayar pancit dan fius terbakar.

Kesemua perkara yang disebutkan di atas adalah penting untuk memastikan anda sentiasa lancar dan dapat tiba ke destinasi yang ditujui dengan selamat.


## Jagaan Pita Video

Adakalanya, kita merakamkan majlis-majlis yang bermakna bagi kita seperti perkahwinan, pertunangan atau harijadi sebagai kenang-kenangan. Kita juga merakamkan majlis-majlis rasmi seperti majlis pelancaran atau majlis-majlis pembukaan. Pita video yang mengandungi rakaman perlu dijaga dengan baik supaya ia berfungsi apabila kita menontonnya kelak. Berikut ialah beberapa amalan yang boleh kita ikuti:

- Buat salinan pita video dan simpan di tempat yang lain.

- Simpan pita dalam keadaan suhu sederhana. Jangan sekali-kali letak pita di bawah pancaran cahaya matahari atau dalam kenderaan yang panas.

- Pita yang jarang digunakan perlu 'senaman'. Ia harus dimainkan sekali dalam setahun ataupun sekali dalam dua tahun.



**Kini, pelbagai jenis pita video terdapat di pasaran.**

## Sambungan dari hal... 1

harga seperti kos utiliti, tol dan sebagainya. Kerajaan akan juga meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mewujudkan suasana perdagangan yang adil, teratur dan beretika.

Kerajaan juga akan meneruskan Hari Inflasi Sifar pada hari Sabtu pertama setiap bulan pada tahun ini. Penjualan istimewa ini akan ditumpukan kepada barangan dan perkhidmatan perlu. Peniaga-peniaga yang ingin mengambil bahagian akan diminta memberi potongan harga khas untuk barangan perlu. Peniaga-peniaga yang tidak memohon untuk mengambil bahagian tidak seharusnya menggunakan logo Inflasi Sifar.

Semoga semua pihak, terutamanya pihak pengeluar dan peniaga dapat merangka satu rancangan tindakan sempena tahun baru

ini untuk sama-sama membantu Kerajaan di dalam menangani masalah inflasi yang semakin mencabar. Untuk tujuan tersebut, pada hari ini kita memasukkan program membaca ikrar oleh wakil-wakil pihak peniaga, pengguna, media massa dan Kerajaan supaya semua pihak akan lebih komited dan bersungguh-sungguh di dalam membantu Kerajaan menjayakan matlamat Inflasi Sifar ini.

*Petikan Ucapan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar dibacakan oleh Timbalan Menteri, YB. Dato' S. Subramaniam di Majlis Pelancaran Resolusi Inflasi Sifar pada 16 Januari 1996.*

**Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.**

### Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888  
Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555  
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

### Perlis

Kangar: 04-9761478

### Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

### Pulau Pinang

P. Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

### Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

### Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K. Kubu Baru: 03-8042495

### Wilayah Persekutuan

K. Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

### N. Sembilan

Seremban: 06-730372

### Melaka

Melaka: 06-2820422

### Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

### Pahang

Kuantan: 09-523892

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

### Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

### Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

### Sabah

K. Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

### Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

### Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

### Bahagian Harta Intelekt

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

### Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

